

Pentadbiran Islam

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil kesempatan malam rahmat menjelang Hari Raya Aidilfitri untuk berucap buat pertama kalinya sebagai Perdana Menteri ke seluruh negara melalui RTM, dan kesempatan itu tidak saja digunakannya untuk menyampaikan ucap selamat yang biasa kepada umat Islam tetapi juga menyingkirkan kebimbangan di kalangan rakyat bukan-Islam tentang kedudukan dan keselamatan mereka di negara ini. Sesungguhnya meseg ucapan beliau itu amat jelas dan kena pada waktunya. Beberapa hari sebelum Hari Raya beliau berucap di Kedah mengatakan bahawa pentadbiran negara ini adalah berpandukan ajaran Islam, dan kerana itulah ketenteraman dan keadilan dapat dikekalkan di sini. Tentunya ucapan demikian diterima dengan gembira oleh rakyat beragama Islam. Mereka telah mengharapnya sekian lama, dan setengah kumpulan radikal yang berpandangan sempit malah telah bertindak keterlaluan untuk menuntutnya. Tetapi penerimaan kenyataan itu di kalangan rakyat bukan-Islam mungkin berlainan. Bagi yang telah cukup yakin dengan Kerajaan, mereka menerimanya sebagai jaminan lanjut untuk mereka hidup lebih tenteram dan selamat di negara ini. Tetapi bagi yang sentiasa menaruh perasaan sangsi, bersama-sama dengan imej Dr. Mahathir dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam, yang sebelum ini dicap sebagai pelampau Melayu, kenyataan demikian tentu kurang menyenangkan. Dan sudah pasti pula kesempatan begini dipergunakan oleh golongan yang sengaja hendak memburukkan Kerajaan untuk membakar hati dan menakutkan rakyat bukan-Islam.

Bagaimanapun, seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir dalam ucapan Hari Raya ke seluruh negara itu, pendapat begini timbul kerana kejahilan ramai orang mengenai ajaran Islam yang sebenarnya. Mereka memandangkan pengalaman di setengah-setengah negara lain yang diperintah oleh orang Islam tetapi mengamalkan penindasan terhadap orang-orang bukan-Islam, menimbulkan keadaan huru-hara, malah bersengketa sesama Islam, dan menganggap itu semua adalah ajaran Islam. Tetapi, seperti yang dikatakan oleh Dr. Mahathir, apa yang berlaku di negara-negara lain itu adalah amalan zaman jahiliah yang sama sekali menyimpang dari ajaran Islam. Di Malaysia keadaannya adalah berbeza. Masyarakat Islam di sini cenderung mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, dan kerana Islam menjadi agama rasmi dan orang Islam memegang kuasa majoriti, dasar pemerintahan sentiasa memberi keutamaan kepada sikap toleransi dan keadilan terhadap semua pihak. Jadi, masyarakat bukan-Islam di sini tidak perlu khuatir terhadap keselamatan mereka, dan tidak juga perlu takut akan kemungkinan tindakan membalas-dendam oleh orang Islam kerana orang Islam di negara lain ditindas oleh orang bukan Islam. Kita, tegas Perdana Menteri, bukan saja mementingkan pemerintahan yang adil tetapi cara hidup berbudi, berdisiplin dan saling menghormati. Selagi rakyat bukan-Islam di negara ini sentiasa menjunjung undang-undang dan mengamalkan sifat-sifat umum yang mulia ini, selagi itulah tidak siapa pun yang akan mengganggu mereka.

Bahan asal dari Arkib